


**PENGGUNAAN ELEMEN-ELEMEN SENI REKA GRAFIK  
PADA JERSI SUKAN BOLASEPAK(TEMPATAN)**

Oleh :


TUAN FADZLULLAH BIN TUAN YAACOB.

92801267.

**DIPLOMA SENI LUKIS DAN SENI REKA (GRAFIK)  
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA  
ITM SHAH ALAM  
SELANGOR D.E  
SESI 96.**





## *Sekalung budi.*



### **Bissmilahirrahmanirahim.**

Alhamdulillah, Segala puji-pujian hanya kepada Allah s.w. t. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kehadiran Allah s.w.t kerana dengan keredhaanya juga dapat merestui dan memungkinkan saya menyelesaikan tesis ini seperti mana yang diinginkan walaupun menghadapi banyak masalah untuk mendapatkan bahan rujukan di dalam menyiapkan tesis ini.

Setinggi- tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga khasnya buat **Y.M. Prof. Raja Zahabuddin bin Raja Yaacob**, selaku penasihat saya yang banyak mebantu, memberi tunjuk ajar, serta pandangan dalam melengkapkan lagi tesis ini. Tidak ketinggalan, sekalung penghargaan kepada Ketua Jabatan fesyen, **Encik Najib Noor** serta pensyarah jabatan grafik yang lainya, kepada **Encik Hamidin Amin** selaku setiausaha eksekutif dari kelab penyokong Selangor (FAS) terima kasih di ucapkan, kerana sudi meluahkan masa ditemuramah. Kepada rakan-rakan dari jabatan grafik 08 terutamanya Lan, Paiman, Pari, Lee yang memberi sedikit 'pengorbanan', komputer masing-masing, serta yang lainya kerana memberi kerjasama antara satu sama lain. Tidak lupa juga kepada kakitangan PTR1 yang tidak jemu melayan karenah saya di dalam mendapatkan bahan rujukan untuk melelengkapkan penyelidikan saya sepanjang berada di sini.



## **Sinopsis.**

Seringkali apabila menghadiri temasya sukan atau menyaksikan pertandingan sukan, kita akan terpesona dengan keadaan dan suasana di ketika itu. Tanpa di sedari sebenarnya pakaian(jersi) sukan yang menyaluti tubuh atlit itulah yang menjadi 'lalat' didalam menghidupkan lagi suasana tersebut, tanpa jersi pastinya sesebuah acara sukan itu tidak meriah dan tidak bermakna terutamanya sukan bolasepak.

Tujuan penulis mengkaji tajuk ini adalah kerana ingin mengetahui dan mengenalpasti sejauh manakah penerapan elemen seni reka pada jersi sukan bolasepak, adakah ianya sekadar dekorasi atau mempunyai tujuan tertentu dan fungsinya dalam 'memperindahkan' lagi jersi sukan. Terutamanya jersi sukan bolasepak yang merupakan sukan paling popular di abad ini malahan ia kini menjadi salah satu media di dalam menperomosi barangan tertentu seperti rokok Di samping memberi kesedaran kepada pihak tertentu tentang kepentingan penerapan elemen senireka pada jersi sukan dalam menarik perhatian orang ramai dan menjaga kualiti jersi supaya setanding dengan jersi bolasepak di luar negara.

Oleh itu untuk menjayakan tesis ini penulis menggunakan beberapa kaedah dalam membentuk penulisan ini seperti kaedah temubual, penulis telah menemui beberapa orang yang terlibat secara langsung atau tidak seperti, pereka fesyen, pereka grafik, pemain bolasepak dan individu tertentu yang terlibat dalam jersi bolasepak. Kaedah kedua ialah melalui pengumpulan data, ia di lakukan melalui, buku-buku tertentu yang berkaitan, majalah sukan bolasepak, keratan akhbar, tesis yang berkaitan dan kamus.

## **Jadual kandungan.**

Halaman pemeriksa.

Penghargaan.

Sinopsis.

Hipotesis.

Skop kajian.

Jadual isi kandungan.

Senarai Ilustrasi.

### **Bab 1 : Pengenalan.**

|      |   |   |
|------|---|---|
| 1.1) | Pengenalan.                               | 1 |
| 1.2) | Sejarah sukan dan ilhamnya<br>pada seni.  | 3 |
| 1.3) | Sejarah ringkas bolasepak<br>di Malaysia. | 6 |

### **Bab 2 : Elemen asas seni reka.**

|        |   |    |
|--------|---|----|
| 2.1)   | Sejarah ringkas seni reka grafik.           | 9  |
| 2.2)   | Bentuk Grafik.                              | 12 |
| 2.3)   | Reka letak.                                 | 13 |
| 2.4)   | Reka bentuk.                                | 16 |
| 2.5)   | Warna                                       | 18 |
| 2.5.1) | Warna sebagai elemen komunikasi visual.     | 20 |
| 2.6)   | Tipografi.                                  | 22 |
| 2.6.1) | Tipografi sebagai elemen komunikasi visual. | 25 |
| 2.7)   | Imej.                                       | 26 |
| 2.8)   | Ilustrasi.                                  | 27 |
| 2.9)   | Imbangan.                                   | 28 |

### **Bab 3 : Jersi sukan bolasepak.**

|        |                                  |    |
|--------|----------------------------------|----|
| 3.1)   | Sejarah ringkas pakaian.         | 29 |
| 3.2)   | Asas pakaian sukan bolasepak.    | 31 |
| 3.2.1) | Ciri-ciri jersi sukan bolasepak. | 33 |

## 1.1 Pengenalan.

Sukan bolasepak merupakan sukan yang paling popular dekad ini maka tidak hairanlah ia mempunyai peminat merangkumi segenap lapisan masyarakat diseluruh dunia. Menyaksikan perlawanan bolasepak memang menyeronokan terutamanya apabila terdapat pasukan yang handal bertarung mempertahankan kejuaraan yang dimiliki. Namun keseronokan dan kemeriahan suasana sukan ini tidak wujud sekiranya tidak diwarnai oleh jersi sukan yang dipakai oleh para athlit yang mewakili negara masing-masing.

Jersi sukan sememangnya tidak boleh dipisahkan dengan sukan bolasepak, ia bukan sekadar pakaian khusus untuk sukan ini malah , berfungsi mewujudkan kemeriahan sesuatu perlawanan itu seterusnya menghasilkan nilai- nilai keindahan dengan cara yang tersendiri, ini dapat dilihat apabila para pemain berkumpul beramai ramai sebelum, selepas permainan dan ketika perlawanan berlangsung. Tetapi yang paling ia dapat mengekalkan identiti secara tidak langsung memperkenalkan negara tertentu kepada dunia luar.

Jersi sukanbolasepak merupakan pakaian yang paling diminati oleh orang ramai terutamanya golongan remaja, malahan ianya telah menjadi pakaian kasual bagi golongan ini, jika di lihat di sekeliling kita terdapat banyak jersi sukan bolasepak telah di ubah suaibentuknya bagi memenuhi kehendak masing masing, ini di sebabkan jersi sukan bolasepak setiap negeri di negara ini mahupun di dunia ditukar sekurang-kurangnya sekali setahun, iaitu melalui pengubahsuaian warna, rekacorak, serta melalui pengolahan elemen-elemen senireka yang lain. Secara tidak langsung ia mempengaruhi golongan ini terus mengikuti perubahan ini dari masa ke semasa. Maka tidaklah keterlaluan jika dikatakan jersi ataupun pakain sukan ini menjadi salah satu pakaian asas bagi mereka ini.